

Dr M puas hati kadar KDNK suku pertama

BH 25 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 11.7 peratus pada suku pertama tahun ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kadar pertumbuhan itu rendah sedi-

kit daripada jangkaan berikutan pengiraan semula KDNK mencatat peratusan lebih tinggi tahun lalu iaitu 5.6 peratus. bukannya mengikut kiraan awal 5.4 peratus.

“Disebabkan itu kadar pertumbuhan tahun ini menjadi lebih rendah sedikit berbanding pertumbuhan ting-

gi tahun lalu, dengan suku pertama tahun ini kurang 12 peratus.

“Tetapi ini adalah baik dan kita patut berasa gembira,” katanya ketika melancarkan Pusat Pameran dan Konvensyen Negara (NECC), di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, dekat sini hari ini.

Bank Negara Malaysia mengumumkan hari ini bahawa KDNK suku pertama tahun ini berkembang sebanyak 11.7 peratus daripada 10.6 peratus dalam suku sebelumnya dan penguncupan 1.3 peratus dalam tempoh yang sama pada 1999.

Ketika mengumumkan angka pertumbuhan itu, Ga-

benor Bank Negara yang baru dilantik. Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz berkata, KDNK yang ketara lebih tinggi itu menggambarkan tahap aktiviti ekonomi yang dipercepatkan di negara ini ditekan oleh permintaan luaran dan juga peningkatan dalam perbelanjaan sektor swasta yang kukuh.